

23/03/1998

Apabila Mr Q cadang kecilkan jumlah wang

BERITA HARIAN (BH): Dalam menangani krisis ekonomi sekarang, setiap pihak harus berperanan supaya dapat bersama mengatasi kegawatan dengan sebaik-baiknya. Apa pandangan anda mengenai hal ini dan kenapa keadaan ekonomi negara sekarang dikatakan bermasalah berikutan kejatuhan nilai ringgit?

Mr Q: Saya menjawab soalan pertama dulu. Pada pandangan saya, memandangkan masalah ekonomi boleh menjejaskan kestabilan negara dan rakyat di negara ini mahu hidup dalam keadaan aman dan stabil, setiap orang mesti bertanggungjawab dan memainkan peranan menyelesaikan masalah negara.

Untuk soalan kedua, saya kurang jelas. Bukan kurang jelas soalan tetapi maksud soalan.

Kita kena kenal pasti apa sebenarnya masalah ekonomi yang dialami sekarang. Saya akan pecahkan maksud soalan anda itu kepada tiga perkara dan saya akan jawab ketiga-tiga perkara itu, pertama: Nilai ringgit jatuh; kedua, `kehendak' hidup semasa tidak dapat dipenuhi dan ketiga; keperluan hidup semasa tidak dapat dipenuhi.

Pertama: Sebenarnya nilai ringgit tidak jatuh tetapi kadar pertukaran ringgit terhadap dolar Amerika Syarikat yang jatuh. Ini bukan masalah, kita boleh naikan kadar pertukaran bila-bila masa saja yang kita mahu.

Nak tahu bagaimana? Kita kecilkan jumlah wang. Sebagai contoh, RM10 (semasa) dikira RM1.

Jadi, jumlah wang dalam peredaran yang kira-kira RM3.3 bilion akan dikecilkan kepada RM0.33 bilion. Dengan sendirinya kadar pertukaran akan melonjak kepada kira-kira AS\$3 sama dengan RM1. Kan tinggi kadar kita?

Tetapi jumlah gaji yang diterima RM1,000 akan jadi RM100. Harga rumah RM200,000 akan menjadi RM20,000. Harga kereta RM45,000 akan menjadi RM4,500. Harga ayam RM5 sekilogram akan menjadi 50 sen. Gaji operator pengeluaran RM500 akan menjadi RM50. Adakah selesai masalah ekonomi kita? Fikirkanlah.

Kedua, `kehendak' hidup semasa tidak dapat dipenuhi. Bagi mereka yang berada atau perkataan lain orang kaya, mereka tetap boleh hidup.

Jumlah pendapatan mereka memberi upaya kepada mereka mempunyai tempat tinggal, pakaian, makanan, hiburan, kemudahan seperti kereta, telefon dan sebagainya.

Dalam keadaan ekonomi bermasalah pun dengan pendapatan RM5,000 sebulan, perkara tadi boleh dipenuhi. Ini termasuk belanja kesihatan dan pelajaran anak.

Golongan ini hanya merasakan masalah kerana mereka mahu lebih daripada yang mereka perlu.

Inilah yang saya maksudkan `kehendak'. Kehendak manusia tidak terhad, sebaliknya pendapatan atau hasil, terhad. Sebagai contoh, kita perlu kereta.

Beli kereta Proton Wira dengan 100 peratus `financing' sekalipun kita kena bayar dalam RM1,000 sebulan. Mereka pula mahu membeli kereta berharga RM200,000. Jadi, macam mana mahu selesaikan masalah kehendak?

Masalah ini wujud sejak azali lagi, bukan selepas kadar pertukaran menjadi 3.8.

Ketiga, keperluan hidup semasa tidak dapat dipenuhi. Bagi golongan berpendapatan kurang, setiap bulan dikejar pihak `finance' untuk bayaran bulanan rumah, kereta, barangan elektrik dan sebagainya. Lebih teruk lagi,

setiap hari kena fikir mahu makan apa.

Apabila anak sakit, terpaksa ambil cuti atau ponteng dari tempat kerja kerana menghabiskan masa menunggu di hospital kerajaan.

Yang tidak sanggup ponteng pula, terpaksa ke klinik swasta dan `larilah' budget untuk bulan itu. Bila anak gian nak main basikal, ibu bapa dah garu kepala. Tidak bagi...

Sebenarnya yang mana satu masalah kita sekarang. Yang pertama bukan masalah, manakala yang kedua dan ketiga, sudah lama berlaku dan bukan selepas kadar pertukaran menjadi 3.8.

BH: Di sini jelas masalah ekonomi wujud pada perkara yang ketiga.

Sebelum kadar pertukaran menjadi 3.8, kita mungkin mempunyai sejumlah golongan dalam perkara ketiga.

Tetapi selepas kadar kita jatuh, kita mempunyai lebih ramai dalam golongan itu. Bagaimana boleh kita lakukan supaya golongan perkara ketiga terhapus?

Mr Q: Sekarang kita bercakap (Now we talk). Kalau ambil cara mudah dan tidak berperikemanusiaan. Kita letakkan orang yang bermasalah di perkara ketiga ini dalam `firing line'.

Awak dan saya mungkin kena tembak juga (this is a joke). Pertama, kita kena buang ideologi jahil yang masih kita amalkan iaitu `opportunism'. Orang sekarang panggil `free enterprise'. Bahasa Melayu kata `siapa cepat dia dapat'. Zaman Barbarian sebut `only the strong will survive'. Apa lagi...

Ideologi inilah punca segala masalah. Kemalangan jalan raya pun berpunca daripada ideologi ini. Jenayah harta benda dalam pelbagai bentuk pun berpunca daripada ideologi ini. Jenayah rasuah pun berpunca daripada ideologi ini.

Pelbagai undang-undang terpaksa digubal masih tidak dapat membendung masalah sebab dalam setiap diri kita termasuk orang yang menggubal undang-undang mempunyai ideologi ini. Sekiranya kita sanggup buang ideologi ini dan ganti dengan ideologi `bekerja semampu yang boleh, ganjaran sekadar kita perlu', saya jamin 100 peratus, kita boleh kembalikan zaman kegemilangan Islam ketika di bawah pemerintahan Nabi Muhammad. Kita akan dihormati oleh masyarakat seluruh dunia. Maruah diri kita adalah kerja.

Jepun pada suatu masa sanggup bunuh diri apabila maruahnya tercabar kerana malu. Tiada pengangguran. Tiada kelaparan.

Teknologi dicipta memberi kemudahan. Kita boleh bina hidup yang paling aman. Masalahnya, kita tidak percaya kepada saudara kita. Ideologi opportunism telah membunuh persaudaraan. Islam ibarat satu badan, hanya tinggal kata-kata.

Saya kagum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang begitu bersusah payah untuk mengembalikan kegemilangan Islam dan kita mahu supaya `reincarnation' ini berlaku di negara ini.

Sebab apa? Sebab kita mahu bangga orang Islam bukanlah terrorist. Perdana Menteri ke hulu ke hilir pasarkan negara agar kita diiktiraf dan dihormati.

Menara berkembar tertinggi di dunia kita dirikan menunjukkan kita mampu.

Malangnya, beberapa kerat saja faham. Perdana Menteri korbankan sebahagian masa personalnya sehingga dia kelihatan seolah-olah ada klon.

Macam mana tidak, sebelah pagi di negara ini dan pada petangnya pula sudah berada di negara lain.

Ini saya nak tambahkan sedikit cerita yang saya dengar sebagai khabar angin. Orang kata Perdana Menteri kaya. Kemajuan negara yang Perdana Menteri buat, beliau dapat habuan. Tergamakkah orang itu berkata demikian.

Saya kira, wang gaji beliau pun tidak diambil sebab beliau tiada masa hendak guna. PM pula ketika sedap makan dia berhenti. Takkan dia makan beras emas pula.

Jadi, kalau mahu kata sesuatu, fikirkanlah. Untuk dia hendak simpan harta, beliau hendak bagi pada siapa pula. Anak beliau sudah berjaya dengan karier masing-masing.

BH: Jika kita mahu amalkan ideologi yang anda cadangkan, bagaimana caranya?

Mr Q: Negara tetap demokrasi. Cuma sedikit modifikasi iaitu pada masa yang sama kita berkempen puji diri sendiri, kita kena berkempen puji pihak lawan. Sekiranya kita mengata pihak lawan atau memuji diri sendiri, pencalonan dibatalkan kerana kita tidak mahu seorang pemimpin yang berperibadi seperti itu.

Sistem kerja kita sama. Mungkin modifikasi dalam pengagihan pendapatan.

Kenapa kita membazirkan wang memberikan pencen kepada mereka yang mempunyai pendapatan baru yang lebih banyak daripada pendapatannya ketika bekerja dengan kerajaan.

Pencen sepatutnya hanya diberikan kepada orang yang telah bekerja begitu lama atau hilang upaya kerana kerja dan tiada lagi pendapatan selain pencen itu.

Pendapatan daripada kerja juga kita hadkan sehingga seseorang itu mempunyai segala keperluan.

Wang lebihan yang disimpan sebagai pelaburan apabila mencecah jumlah katakanlah RM1 juta dengan kadar 10 peratus setahun akan membolehkan orang itu mendapat pendapatan tanpa perlu bekerja sebanyak RM100,000 setahun. Kenapa orang ini masih mahu tamak. Jawatannya patut ditinggalkan dan diisi oleh orang lain pula. Kalau masih mahu berbakti, bekerjalah dan tidak payah minta gaji.

Sistem pelajaran juga kena ubah. Hala tuju kita ialah menghasilkan ahli fikir, bukan ahli hafal.

Setiap pelajar yang masuk sekolah kita akan pastikan mereka mahir. Tiada lagi istilah 'drop out'.

Apabila semua orang menjadi mahir tiada lagi istilah perbezaan kelulusan yang membezakan pendapatan.

Kelebihan setiap orang tidak sama, bukan bermakna orang yang tidak lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah orang yang tidak tahu berfikir. Orang yang lulus SPM pun sekadar ahli hafal. Tanya diri kita formula fizik yang pernah kita belajar dan lulus ketika tingkatan lima dulu.

Kebanyakan kita sudah lupa. Kalau sekarang, jika diminta mana-mana pegawai berjawatan tinggi diminta ambil peperiksaan matematik tambahan, saya ingat belum tentu mereka lulus kecuali kena belajar semula. Sekiranya kita dapat amalkan sistem ini dalam hidup kita bermasyarakat, saya boleh jamin 100 peratus jenayah harta benda menjadi kosong. Ramai polis dan penguatkuasa tiada kerja. Mereka kena jadi pekerja yang menghasilkan barang atau teknologi. Hidup jadi bebas.

Rumah perlu ditinggalkan tanpa perlu takut dicerobohi pencuri. Ikatan persaudaraan di antara ahli masyarakat akan lebih teguh. Perasaan kecintaan kepada tanah air bertambah. Mahukah kita?

(END)